

Saya sokong Ghafar kerana khidmat cemerlangnya

UM 23 MAR 1987

— Dr. M

TELUK INTAN 22 Mac — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan sokongan terbukanya kepada Encik Ghafar Baba bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO, "kerana Encik Ghafar mempunyai rekod cemerlang tidak pernah mengkritik pemimpin sama ada beliau di dalam atau di luar kerajaan."

"Saya tidak dapat menyokong orang yang bila ada dalam kerajaan cakap lain dan bila ada di luar kerajaan cakap lain pula," ujarnya semasa berucap merasmikan sidang perwakilan UMNO bahagian Pasir Salak di sini pagi ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Encik Ghafar sejak dulu sentiasa bersikap tenang dan beliau terpilih memegang jawatan Naib Presiden UMNO tidak pula terpaksa berhempas-pulas berkempen membuat berbagai tuduhan liar. Presiden UMNO memberitahu, Encik Ghafar seorang yang gigih dan mempunyai semangat perjuangan UMNO tulen dan tidak pula mengamalkan perasaan dendam, irihati kerana tidak dilantik memegang jawatan tinggi dalam kabinet masa lalu.

"Saya tahu Encik Ghafar seorang yang bekerja keras dalam UMNO, rambutnya pun sudah putih, umurnya 63 tahun macam saya juga, kepalanya pun sudah botak," kata beliau disambut dengan tepukan dari hadirin.

Perdana Menteri berkata, dalam pengalamannya belum pernah mendengar Encik Ghafar mengkritik sesiapa yang tidak mahu memberi jawatan kepadanya semasa berada dalam kerajaan dulu.

"Apa sahaja keputusan yang dibuat oleh parti dan kerajaan dia sokong penuh, beliau sokong Tun Hussein Onn dan beliau juga menyokong kabinet MM (Mahathir - Musa)," kata Perdana Menteri disambut dengan ketawa.

"Ada sesiapa di sini pernah mendengar Encik Ghafar mengkritik kabinet MM," tanya Datuk Sri Dr. Mahathir dan bila dijawab oleh perwakilan, "tidak ada", Perdana Menteri berkata, Encik Ghafar ialah memainkan peranan yang penuh dedikasi istinawe bila menjelang pilihanraya.

Menurutnya, Encik Ghafar yang menjadi ahli jawatankuasa Biro Politik UMNO telah memberi khidmat cemerlang dan tidak pernah meminta supaya diberikan jawatan.

Timbalan Perdana Menteri selepas pilihanraya yang lalu:

"Berdasar atas konsep itulah saya menyokong penuh Encik Ghafar bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO," tegasnya disambut dengan tepukan dari perwakilan.

Perdana Menteri menyebut bagaimana beliau terpaksa menunggu 36 tahun sesudah menjadi ahli UMNO baru dapat memegang jawatan sebagai Perdana Menteri.

Katanya, saya menjadi ahli UMNO dalam tahun 1946 dan 18 tahun kemudiannya dalam tahun 1964 baru terpilih sebagai anggota Parlimen kawasan Kota Setar Selatan.

"Saya menjadi Menteri Pelajaran sesudah 28 tahun berada dalam UMNO, jadi Timbalan Perdana Menteri selepas 34 tahun berada dalam UMNO dan menjadi Perdana Menteri sesudah 36 tahun menjadi ahli UMNO."

"Mesti tunggu lama-lamalah baru boleh jadi Perdana Menteri," kata beliau dan menegaskan kalau ada sakit jantung kena nanti dulu, tapi itu semuanya kuasa Tuhan. Janglah berhempas-pulas kerana hendak merebut jawatan hingga timbul perpecahan di kalangan rakyat. Beliau merasa dukacita kerana suasana pemilihan kali ini agak hangat, timbul berbagai tuduhan dan tohmah serta fitnah yang memburuk-burukkan nama beliau.

"Saya telah tahan hati dan

bersabar menerima berbagai tuduhan liar sehingga saya tidak boleh berdiam diri, kerana nama saya telah dilibatkan dalam kempen-kempen dengan fitnah yang tidak sewajarnya dikeluarkan dan dilemparkan kepada saya," kata beliau.

Menurutnya, pada mulanya beliau tidak bercadang untuk berkempen, cuma hendak rasmi persidangan perwakilan UMNO di bahagian-bahagian seperti biasa.

"Tetapi tegasnya, kerana timbul berbagai tuduhan liar menyebabkan saya tidak boleh membiarkannya berterusan berlaku kerana kluatir akan timbul keraguan orang ramai terhadap kesucian perjuangan UMNO. Perdana Menteri berkata, timbulnya berbagai tuduhan dan isu-isu dibangkitkan oleh golongan tertentu sebenarnya mereka bukanlah hendak merebut jawatan dalam UMNO, "bukan kerana hendak jadi Timbalan Presiden UMNO atau Presiden UMNO, kerana jawatan itu tidak penting."

"Tetapi golongan ini sebenarnya ghairah mahu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri atau Perdana Menteri, mereka jadikan UMNO sebagai tangga untuk naik ke atas, sebab itulah mereka terpaksa berhempas-pulas hendak pegang jawatan dalam UMNO," tambahnya.